

CREAM CONSTRUCTION RESEARCH INSTITUTE OF MALAYSIA | CIDB MALAYSIA

# POLISI PENERIMAAN HADIAH

Semua kakitangan CREAM **TIDAK BOLEH** meminta atau menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, tajaan dan sebagainya daripada individu atau syarikat yang mempunyai hubungan rasmi atau boleh mempengaruhi keputusan atau pertimbangan pihak CREAM.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, kakitangan boleh menerima hadiah tersebut. Jenis-jenis hadiah yang boleh diterima dengan had nilai maksimum **RM500.00** dan syarat berikut:

1. Kakitangan boleh menerima pemberian hadiah yang sukar ditolak dengan melaporkan secara bertulis dan mendapatkan kelulusan Pengurusan CREAM
2. Hadiah sempena persaraan atau perkahwinan
3. Pemberian kepada individu atau syarikat yang memberi sumbangan bagi kemajuan kerja, penceramah jemputan dan pelawat
4. Barang bernilai rendah sebagai alat promosi seperti pen, diari, buku nota, folder, kalendar dan sebagainya
5. Hadiah haruslah mengikut kelayakan penjawatan semasa individu
6. Kos perbelanjaan perjalanan oleh klien digalakkan menggunakan kelayakan di CREAM